

**Press  
Release**

5 November 2008

**AmFIRST REIT CATAT PRESTASI MEMBANGGAKAN BAGI SETENGAH TAHUN PERTAMA KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2008**

Am ARA REIT Managers Sdn Bhd, Pengurus AmFIRST Real Estate Investment Trust ("AmFIRST"), hari ini mengumumkan peningkatan membanggakan dalam keuntungan yang dicatatkan oleh AmFIRST bagi separuh penggal pertama kewangan berakhir 30 September 2008.

AmFIRST mencatatkan peningkatan dalam perolehan sebanyak 63 peratus kepada RM45.38 juta, berbanding RM27.82 juta yang direkodkan pada separuh penggal pertama tahun sebelumnya. Pendapatan bersih hartanah bagi separuh penggal pertama meningkat 50 peratus (atau RM9.97 juta) kepada RM29.80 juta berbanding RM19.82 juta yang dicapai pada penggal yang sama tahun sebelumnya.

Peningkatan dalam perolehan dan pendapatan AmFIRST bagi separuh penggal pertama ini adalah hasil daripada pengambilalihan The Summit Subang USJ pada 31 March 2008. Bermula pada 1 April 2008 yang lalu, aset ini telah mula menyumbang pendapatan ke dalam AmFIRST.

Selain dari itu, pertumbuhan organik keatas harta-tanah sedia ada di mana terdapat penyewa-penyewa baru dan pelarasan kadar sewaan yang positif, turut menyumbang kepada kenaikan ini. Sehingga 30 September 2008, kadar purata penghunian bagi keseluruhan aset AmFIRST adalah 88.26 peratus.

Walaubagaimanapun, bagi tiga hartanah (bangunan pejabat) AmFIRST yang terletak di dalam kawasan Segitiga Emas Kuala Lumpur, kadar penghunian adalah melebihi 90 peratus. Ini berpunca daripada permintaan yang tinggi terhadap hartanah dan bangunan pejabat di kawasan tersebut dan mendorong kepada kenaikan kadar sewaan bagi setiap kaki persegi.

Ketua Pegawai Eksekutif Encik Lim Yoon Peng berkata AmFIRST mencatatkan satu lagi prestasi kewangan yang membanggakan bagi separuh tahun pertama berakhir 30 September 2008, di dorong oleh asas yang kuat dalam pelaburan hartanahnya serta pengurusan aset yang pro-aktif.

"Penilaian hartanah di seluruh dunia pada ketika ini adalah tidak menentu dan secara tidak langsung, ia turut memberi impak keatas penilaian pelabur terhadap kaunter Pelaburan Saham Amanah Hartanah dan seterusnya menekan harga unit saham amanah tersebut. Malaysia turut mendapat tempias dari permasalahan ini.

Bagaimanapun, kami percaya bahawa asas pasaran hartanah di Malaysia masih kukuh. Tambahan lagi, REIT yang mempunyai kadar penghunian dan strategi pertumbuhan yang baik akan dapat bertahan serta mampu memberikan pulangan dividen yang kukuh kepada para pelabur.

**Pengagihan kepada pemegang unit**

Pengagihan sebanyak 4.268 sen se unit, membabitkan 100 peratus pendapatan selepas cukai AmFIRST telah diumumkan. Pengakhiran Buku (Book Closure) dan tarikh pembayaran pengagihan masing-masing adalah pada 21 November 2008 dan 28 November 2008.

Berdasarkan kepada harga penutup unit AmFIRST pada 30 September 2008, pengagihan se unit iaitu 4.268 sen mewakili perolehan tahunan sebanyak 9.7 peratus.

**Mengenai AmFIRST REIT**

Disenaraikan pada 21 Disember 2006, AmFIRST REIT merupakan salah sebuah REIT ruang komersial terbesar di Malaysia dengan enam aset bernilai RM840 juta di bawah portfolio iaitu Bangunan AmBank Group, Menara AmBank, AmBank Group Leadership Centre, Menara Merais, Kelana Brem Towers dan The Summit Subang USJ. AmFIRST bercadang untuk menambah aset di bawah portfolionya melalui pelaburan dalam hartanah yang memberikan pulangan, khususnya hartanah yang digunakan untuk tujuan komersil, runcit dan/atau pejabat. AmFIRST REIT diuruskan oleh Am ARA REIT Managers Sdn

Bhd.

Berhubung dengan tawaran awal awam yang dibuat pada 9 November 2006, penasihat kewangan, pengurus penaja-jamin, Bookrunner tunggal dan pengatur utama adalah AmInvestment Bank Berhad, sementara Mayban Trustees Berhad bertindak sebagai pemegang amanah.

**Mengenai Am ARA REIT Managers Sdn Bhd**

Am ARA yang ditubuhkan di Malaysia pada 20 April 2006 merupakan anak syarikat milik penuh Am ARA REIT Holdings Sdn Bhd. Am ARA REIT Holdings dikuasai 70% oleh AmInvestment Group Berhad (AIGB) dan 30% oleh ARA Asset Management (Malaysia) Limited.

AIGB dikuasai 51% oleh AMMB Holdings Berhad sementara ARA Asset Management (Malaysia) Limited adalah anak syarikat ARA Asset Management Limited yang berpangkalan di Singapura dan ahli syarikat Cheung Kong Group yang berpangkalan di Hong Kong.

**Untuk maklumat media, sila hubungi**

Lim Yoon Peng  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Am ARA REIT Managers Sdn Bhd  
Tel: +603 2026 9102  
Email: yplim@ambg.com.my

Zety Fazilah Baharuddin  
Pengurus Perhubungan Pelabur  
Am ARA REIT Managers Sdn Bhd  
Tel: +603 2026 9102  
Email: zety-fazilah@ambg.com.my

**Sila lawati laman web kami di [www.amfirstreit.com.my](http://www.amfirstreit.com.my)**